

# PENGLIBATAN REMAJA DALAM JENAYAH CURI MOTOSIKAL DI KUALA LUMPUR

Abdul Aziz Abdul Majid  
Bukit Aman

Nawi Abdullah  
Ali Boerhanoeddin  
Universiti Malaya

## Abstract

The aim of this study is to analyse motorcycle theft among teenagers in Kuala Lumpur. Thirty-three teenagers who were involved in motorcycle theft during police investigation had been interviewed. Majority of them acknowledged that they were influenced by their peer group. The crimes were committed together with a group of friends with similar background. This study also shows that 80.0% of the teenagers arrested for motorcycle theft were between the ages of 15-18 years old, while the remainder were between the ages of 12-14 years old. Indeed, the incidence of motorcycle theft among teenagers in Kuala Lumpur from 2003 to 2007 is on the increase. All related social institutions such as Community Surveillance Group, Non-Governmental Organizations, and even security and educational organizations need to act in a coherent and concerted manner to battle this crime. Failure to act swiftly will allow this 'small crime' to threaten the existing social harmony.

## PENGENALAN

Malaysia berusaha untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 dan selaras dengan itu, pelbagai dasar dan program pembangunan ke arah wawasan berkenaan telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Serentak dengan itu juga telah berlaku perubahan di dalam struktur sosial dan tingkah laku masyarakat, termasuk dalam kalangan remaja. Perubahan demografi menyaksikan majoriti penduduk Malaysia sehingga 2010 adalah dalam lingkungan umur 25-59 tahun yang merangkumi 42.9%, manakala peratusan golongan remaja, iaitu yang berumur 15-24 tahun dalam tempoh yang sama di negara ini pula adalah 17.9% dalam 2010 dan angka ini dijangka akan terus meningkat dari setahun ke tahun. Golongan remaja merupakan "bahan mentah" dalam proses pembinaan generasi masa depan negara. Merekalah yang bakal memimpin dan mencorakkan rupabangsa sesebuah negara, menerajui

perubahan, dan pembangunan ekonomi, kemajuan dan pemodenan di masa hadapan. Namun pada masa yang sama terdapat segolongan remaja yang menjadi liabiliti kepada negara, membawa bersama mereka unsur negatif, termasuklah perlakuan jenayah. Peningkatan jenayah dalam kalangan remaja kini semakin membimbangkan semua pihak kerana alirannya meningkat dari setahun ke setahun, termasuk aliran kegiatan jenayah curi motosikal dalam kalangan remaja di Kuala Lumpur.

### JENAYAH: SATU PENGERTIAN

Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) mendefinisikan jenayah sebagai sebarang perbuatan atau tindakan yang boleh dihukum oleh mana-mana juga undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Dalam undang-undang jenayah terdapat satu ungkapan sejagat yang berbunyi '*actus non fecit nisi mensit re*' yang membawa maksud sesuatu perbuatan jenayah itu tidak boleh dikatakan bersalah kecuali perbuatan tersebut disertai dengan niat jahat atau salah (Lord 1980). Berdasarkan kepada apa yang diutarakan itu maka terdapat dua ciri khusus yang dirujuk bagi menerangkan tingkah laku jenayah, iaitu niat yang salah atau niat jahat (*mens rea*) dan tindakan atau perbuatan yang salah (*actus reus*). Kedua-dua ciri ini adalah saling berkaitan dan menjadi penentu kepada berlakunya sesuatu jenayah itu. Menurut Lord (1980) lagi perbuatan jenayah juga perlu membawa kepada kemudaratan (*harm*) sama ada pada nyawa, kecederaan tubuh badan atau kerosakan kepada harta benda yang dianggap tidak memadai dengan hanya memberi hak menuntut penggantian ataupun ganti rugi kepada mangsa semata-mata.

Dari segi moral, jenayah merujuk kepada sebarang perbuatan manusia yang bertentangan dengan kehendak sosial sesebuah masyarakat atau lengcongan dari aturan sosial yang lazim yang digunakan dan dipatuhi dalam kehidupan seharian. Dalam penulisan ini, konsep jenayah secara umum digunakan untuk merujuk kepada sebarang tindakan, perbuatan, perlakuan atau tingkah laku yang menyalahi undang-undang jenayah sama ada jenayah kekerasan atau jenayah harta benda. Jenayah kekerasan merujuk kepada suatu aktiviti jenayah yang berlaku di mana penjenayah telah menggunakan kaedah kekerasan yang berbentuk fizikal atau bersifat ganas terhadap mangsa di dalam kejadian jenayah tersebut. Namun begitu, jenayah kekerasan tidak semestinya dilakukan dengan menggunakan senjata. Dalam konteks Malaysia, jenayah kekerasan merangkumi kes bunuh, rogo, cabul kehormatan, samun berkawan dengan menggunakan senjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun dengan menggunakan senjata

api, samun tanpa senjata api, pemerasan, ugutan jenayah, merusuh dan mendatangkan kecederaan.

Jenayah harta benda didefinisikan sebagai “*those offences involving the loss of property in which there is no use of violence by the perpetrators*” (Sidhu 2005). Dari segi klasifikasi pula, jenayah harta benda adalah salah satu daripada dua kategori jenayah indeks, iaitu “*crimes that are reported with sufficient regularity and with sufficient significance to be meaningful as an index to crime situation*” (*Inspector’s General Standing Order – D203*). Di Malaysia, jenayah harta benda merangkumi curi (termasuk curi di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan, curi dalam bangunan di bawah Seksyen 380 Kanun Keseksaan dan curi oleh orang gaji di bawah Seksyen 381 Kanun Keseksaan), ragut, curi kenderaan (termasuk curi motosikal, motokar, van, lori dan jentera berat) di bawah Seksyen 379A Kanun Keseksaan), pecah rumah pada siang hari di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan dan pecah rumah pada malam hari (Seksyen 357 Kanun Keseksaan).

Jenayah curi motosikal yang berada di dalam kategori jenayah harta benda merupakan perbuatan seseorang itu melakukan kesalahan mencuri sebuah kenderaan motor, iaitu sebuah kenderaan yang didorong oleh jentera yang dicadangkan atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan dan ini termasuklah sebuah treler yang ditarik oleh sebuah kenderaan motor yang lain (Seksyen 379A, Kanun Keseksaan, Akta 574). Kesalahan mencuri motosikal merangkumi perbuatan mencuri mana-mana komponen kepada sebuah motosikal tersebut. Komponen-komponen yang dimaksudkan termasuklah tayar, aksesori atau peralatan yang terpasang kepada kenderaan motor tersebut. Pada masa yang sama, undang-undang yang ada juga menyatakan bahawa mana-mana juga orang boleh didakwa sekiranya di dalam miliknya tersimpan apa-apa harta benda yang diperolehi melalui jalan curi atau melupuskan apa-apa harta yang diperolehi melalui jalan curi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 411 dan Seksyen 414 Kanun yang sama.

### FENOMENA JENAYAH DI MALAYSIA

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun. Seiring dengan itu, kadar jenayah negara juga dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan kadar jenayah boleh dilihat berdasarkan jenayah indeks yang dilaporkan dan direkodkan pada setiap tahun. Jadual 1 menunjukkan jumlah kes jenayah yang dilaporkan bagi tempoh tahun 2005 hingga Ogos, 2009.

Jenayah indeks boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Berdasarkan kepada maklumat dan data

semasa bagi tahun 2005 hingga 2008 didapati bahawa jenayah kekerasan berada di bawah 20% dari keseluruhan kes-kes jenayah di Malaysia dan jenayah harta benda meliputi lebih dari 80% kes-kes jenayah. Data jelas menunjukkan bahawa jumlah kes yang dilaporkan di bawah kategori jenayah harta benda sentiasa lebih besar berbanding dengan jenayah kekerasan. Walau demikian, bilangan kedua-dua jenayah indeks berkenaan sentiasa meningkat dari setahun ke setahun dan ini membimbangkan.

Jadual 1: Jenayah indeks seluruh Malaysia (2005 hingga Ogos, 2009)

Tahun	2005	2006	2007	2008	Sehingga Ogos 2009
Jenayah Kekerasan	22 039	31 408	35 158	37 817	26 791
Jenayah Harta Benda	135326	165372	174 401	173828	112 681
Jumlah Kes	157 365	196 780	209,559	211 645	139 472
Peratusan kes di bawah kategori jenayah harta benda berbanding keseluruhan kes	86.0%	84.0%	83.3%	82.1%	80.8%

Sumber : Unit Statistik Jenayah, Bahagian Rekod Jenayah (D4), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman.

Aliran yang sama juga boleh dilihat pada jenayah curi motosikal yang merupakan penyumbang utama kepada jumlah keseluruhan jenayah indeks yang dilaporkan. Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Unit Statistik Jenayah, Bahagian Rekod Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman kejadian jenayah curi motosikal kini telah menunjukkan satu aliran peningkatan dari tahun 2003 hingga 2007. Namun demikian, jenayah curi motosikal ini mencatatkan sedikit penurunan pada tahun 2008 berbanding 2007. Data ini menunjukkan bahawa pada setiap tahun peratusan kes curi motosikal merangkumi lebih daripada 30% dari keseluruhan kejadian jenayah di Malaysia.

Jadual 2: Jenayah curi motorsikal seluruh Malaysia (2003 hingga 2008 )

Tahun	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Jumlah Kes	156238	156363	157365	196780	209559	211645
Kes Curi Motosikal	50 212	51 560	51 709	65 462	67 584	67 359
Peratusan Kes Curi Motosikal Berbanding Keseluruhan Kes	32.1%	33.0%	33.0%	33.2%	32.2%	31.8%

Sumber : Unit Statistik Jenayah, Bahagian Rekod Jenayah (D4), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman.

## Jenayah Curi Motosikal dalam Kalangan Remaja

Jenayah Curi Motosikal dalam Kuantang  
Apa yang membimbangkan ialah penglibatan remaja dalam jenayah curi motosikal semakin meningkat dari setahun ke setahun. Fenomena ini dilihat sebagai suatu isu yang serius dan perlu ditangani segera.

Jadual 3: Penglibatan remaja dalam jenayah curi motosikal seluruh Malaysia (2005 hingga 2008).

Tahun	2005	2006	2007	2008
Kes Curi Motosikal	51 709	65 462	67 584	67 359
Kes Melibatkan Remaja	922	1 368	1 526	1 579

Sumber : Unit Statistik Jenayah, Bahagian Rekod Jenayah (D4), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman.

## JENAYAH INDEKS DI KUALA LUMPUR

Berdasarkan statistik jenayah yang diperolehi daripada Unit Statistik Jenayah, Bahagian Rekod/Risikan Jenayah (D4), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman, Kuala Lumpur menduduki tangga kedua tertinggi dari segi jumlah jenayah indeks berbanding kontinjen-kontinjen lain di Malaysia pada tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008 selepas Selangor.

*i. Jenayah indeks kekerasan dan jenayah harta benda di Kuala Lumpur*

Sebagaimana aliran yang sedang dihadapi oleh Malaysia, kadar jenayah di Kuala Lumpur juga adalah sebahagian besarnya melibatkan kejadian kes jenayah harta benda. Data ini menunjukkan bahawa jenayah harta benda sentiasa melebihi 70% dari jenayah indek yang dicatatkan bagi seluruh Kuala Lumpur.

Jadual 4: Statistik jenayah indeks bagi Kuala Lumpur (2005 hingga Ogos, 2009)

Tahun	2005	2006	2007	2008	Sehingga Ogos 2009
Jenayah Kekerasan	3 452	5 849	5 927	6 388	5 781
Jenayah Harta Benda	16 238	25 891	23 546	22 050	17 235
Jumlah Kes	19 690	31 740	29 473	28 438	23 016
Peratusan kes dibawah kategori jenayah harta benda berbanding keseluruhan kes	82.5%	81.6%	79.9%	77.5%	78.3%

Sumber : Unit Statistik Jenayah, Bahagian Rekod Jenayah (D4), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman.

Bagi kategori jenayah harta benda pula, jenayah curi motosikal merupakan penyumbang terbesar kepada jenayah harta benda yang direkodkan di Kuala Lumpur. Pada tahun 2005, dari sebanyak 16,238 kes jenayah harta benda yang direkodkan, sebanyak 5,838 kes atau 36% adalah kejadian curi motosikal. Sementara pada tahun 2008, dari sebanyak 22,050 kejadian jenayah harta benda, sebanyak 7,285 atau 33% adalah jenayah curi motosikal. Data menunjukkan bahawa kejadian jenayah curi motosikal sentiasa melebihi 25% dari keseluruhan kes jenayah harta benda yang berlaku di Kuala Lumpur. Malah, jenayah curi motosikal sentiasa mendahului bentuk-bentuk jenayah yang lain. Ini bermakna jika pihak berkuasa berupaya untuk membendung jenayah curi motosikal, maka jenayah indeks harta benda dan jenayah indeks keseluruhannya akan dapat dikurangkan dengan berkesan.

*ii. Penglibatan remaja di dalam kegiatan jenayah di Kuala Lumpur*

Penglibatan remaja di dalam kes-kes jenayah yang telah direkodkan pada tahun 2005, 2006, 2007, 2008 dan sehingga Ogos, 2009 menunjukkan terdapat peningkatan dalam jumlah penglibatan remaja dalam kejadian kes jenayah bagi seluruh Kuala Lumpur. Walaupun terdapat sedikit penurunan dari segi jumlah penglibatan remaja dalam kes jenayah yang dilaporkan pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya, aliran penglibatan remaja dalam kegiatan-kegiatan jenayah di Kuala Lumpur semakin meningkat dan membimbangkan.

Jadual 6: Penglibatan remaja berasaskan laporan bagi kes jenayah di Kuala Lumpur (2005 hingga Ogos, 2009)

Tahun	2005	2006	2007	2008	Sehingga Ogos 2009
Jenayah Kekerasan	33	32	132	129	79
Jenayah Harta Benda	151	301	363	276	112
Jumlah Kes Yang Melibatkan Remaja	184	333	495	405	191
Jumlah Kes Keseluruhan	19 690	31 740	29 473	28 438	23 016
Peratusan kes yang melibatkan remaja berbanding keseluruhan kes	0.93%	1.1%	1.67%	1.42%	0.82%

Sumber : Unit Statistik Jenayah, Bahagian Rekod Jenayah (D4), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman.

*iii. Tangkapan remaja yang disyaki terlibat di dalam kegiatan jenayah di Kuala Lumpur*

Perlakuan dan penglibatan jenayah didapati meningkat dari segi jumlah tangkapan ke atas remaja yang disyaki terlibat dalam jenayah bagi seluruh Kuala Lumpur yang direkodkan pada tahun 2005, 2006 dan 2007. Walaupun terdapat sedikit penurunan dalam jumlah tangkapan pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya, data menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan dalam bilangan remaja yang ditangkap kerana melakukan jenayah di Kuala Lumpur.

Jadual 7: Tangkapan remaja yang disyaki terlibat dalam melakukan jenayah di Kuala Lumpur (2005 hingga Ogos, 2009)

Tahun	2005	2006	2007	2008	Sehingga Ogos 2009
Jenayah Kekerasan	42	70	52	109	81
Jenayah Harta Benda	126	221	301	273	128

Sumber : Bahagian Rekod Jenayah (D4), Jabatan Siasatan Jenayah, IPK Kuala Lumpur.

#### *iv. Jenayah curi motosikal di Kuala Lumpur*

Seperti aliran jenayah harta benda yang lain, terdapat peningkatan dalam jumlah penglibatan remaja dalam kes jenayah curi motosikal bagi seluruh Kuala Lumpur yang direkodkan pada tahun 2005, 2006 dan 2007. Walaupun terdapat sedikit penurunan dari segi tangkapan remaja dalam kes jenayah curi motosikal pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya, secara umumnya penglibatan remaja di dalam jenayah curi motorsikal menunjukkan arah aliran yang meningkat.

Jadual 8: Laporan Bagi Kes Curi Motosikal Di Kuala Lumpur (2005 hingga Ogos, 2009)

Tahun	2005	2006	2007	2008	Sehingga Ogos 2009
Jenayah Harta Benda	16 238	25 891	23 546	22 050	17 235
Kes Curi Motosikal	5 838	7 192	7 604	7 285	4 304
Peratusan Kes Curi Motosikal Berbanding Keseluruhan Jenayah Harta benda	36.0%	27.8%	32.3%	33%	25.0%
Kes Yang Melibatkan Remaja	87	151	223	159	63
Peratusan penglibatan remaja dalam kes curi motosikal	1.5 %	2.1 %	2.9 %	2.2 %	1.5 %

Sumber : Unit Statistik Jenayah, Bahagian Rekod Jenayah (D4), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman.

## PENGLIBATAN REMAJA DALAM JENAYAH CURI MOTOSIKAL DI KUALA LUMPUR

Bahagian ini membincangkan penglibatan remaja dalam jenayah curi motosikal, seperti ciri-ciri jenayah ini, tujuan responden mencuri motosikal dan mengapa responden lebih cenderung untuk mencuri motosikal berbanding harta benda lain. Untuk tujuan ini, data bahagian ini adalah berdasarkan kepada 33 orang remaja yang telah ditahan dan didakwa dengan pelbagai kesalahan yang berkaitan dengan jenayah curi motorsikal di Kuala Lumpur dan telah dijatuhi hukuman oleh mahkamah. Maklumat dikumpul melalui temubual berstruktur.

### i. Kesalahan-kesalahan jenayah curi motosikal

Jenis kesalahan jenayah motosikal yang dilakukan oleh responden menunjukkan majoriti, iaitu seramai 18 orang (54.5%) adalah memiliki atau menyimpan motosikal curi, tujuh orang (21.2%) lagi ditangkap kerana menunggang motosikal yang dicuri, empat orang (12.1%) kerana menjadi perancang utama jenayah curi motosikal dan seramai tiga orang (9.1%) ditangkap kerana mlarikan motosikal yang dicuri dan seorang (3.0%) ditangkap kerana melakukan percubaan untuk mencuri motosikal.

Mengenai keterlibatan remaja di dalam melakukan jenayah curi motosikal, dapatan kajian menunjukkan seramai 19 orang (57.6%) menyatakan mereka sendiri yang mencuri motosikal, seramai 11 orang (33.3%) lagi menyatakan bahawa mereka memperolehi motosikal itu daripada rakan (yang dikenali) dan seramai tiga orang (9.1%) menyatakan bahawa mereka memperolehi motosikal itu daripada orang yang tidak dikenali. Dapatan ini menunjukkan majoriti responen sendiri yang terlibat secara langsung dalam melakukan kegiatan mencuri motosikal, atau sekurang-kurangnya mereka mengetahui bahawa motosikal berkenaan adalah motosikal yang dicuri.

### ii. Rakan sejenayah

Dari aspek bilangan rakan responden yang ikut serta sewaktu melakukan aktiviti mencuri motosikal, dapatan kajian menunjukkan seramai 27 orang (81.8%) menyatakan bahawa mereka melakukan aktiviti mencuri motosikal bersama seorang atau dua orang rakan, lima orang (15.2%) responden menyatakan mereka melakukan aktiviti mencuri motosikal bersama tiga atau empat rakan dan seorang (3.0%) menyatakan beliau melakukan aktiviti mencuri motosikal secara bersendirian. Berdasarkan hasil kajian, dapatlah dirumuskan bahawa majoriti responden melakukan

aktiviti mencuri motosikal bersama dengan rakan-rakan mereka yang juga boleh dikenali sebagai rakan sejenayah mereka.

### *iii. Faktor yang mendorong remaja untuk mencuri motosikal*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa punca-punca yang mendorong responden mencuri motosikal adalah kerana dipengaruhi oleh rakan, iaitu seramai 27 orang (81.8%) dan atas kehendak sendiri seramai enam orang (18.2%). Dapatan ini menunjukkan bahawa rakan remaja memainkan peranan yang besar dan penting dalam mempengaruhi remaja berkenaan untuk terlibat dengan jenayah curi motosikal.

Mengenai kekerapan responden mencuri motosikal, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 15 orang (45.5%) menyatakan mereka hanya sekali melakukan kesalahan ini, seramai enam orang (18.2%) lagi menyatakan mereka telah dua kali melakukan kesalahan mencuri motosikal, seorang (3.0%) menyatakan beliau telah tiga kali melakukannya, tujuh orang (21.2%) menyatakan telah lima kali melakukannya dan seramai empat orang (12.1%) selebihnya menyatakan mereka telah melakukannya lebih daripada lima kali. Malah ada kes yang menyatakan bahawa ia telah mencuri motosikal ini sebanyak 12 kali.

Taburan umur responden sewaktu mereka mula-mula terlibat dalam jenayah curi motorsikal ialah seawal umur 12 tahun sehingga umur 17 tahun. Taburan data menunjukkan seramai seorang (3.0%) mula terlibat dengan kegiatan jenayah ini sewaktu berumur 12 tahun, seramai tiga orang (9.1%) mula terlibat pada umur 13 tahun dan seramai dua orang (6.1%) mula terlibat sewaktu berumur 14 tahun. Selain itu 10 orang (30.3%) mula terlibat dengan kegiatan jenayah curi motorsikal pada umur 15 dan 16 tahun dan bakinya seramai tujuh orang (21.2%) mula terlibat pada umur 17 tahun.

### *iv. Kegunaan motosikal yang dicuri*

Terdapat pelbagai tujuan mengapa seorang remaja mencuri motorsikal. Daripada kajian yang dijalankan didapati bahawa seramai lapan orang remaja (24.2%) mencuri motorsikal untuk kegunaan sendiri (pakai sendiri) dan seramai dua orang (6.1%) remaja menjadikan motorsikal yang dicuri sebagai stok alat ganti untuk motorsikal mereka yang lain. Seramai 15 orang (45.5%) remaja menyatakan bahawa motorsikal yang dicuri adalah untuk kegunaan bersama-sama dengan rakan-rakan dan bagi seramai lapan orang (24.2%), mencuri motorsikal adalah satu punca pendapatan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kegunaan utama motorsikal yang dicuri adalah untuk kegunaan bersama-sama dengan rakan-rakan dan untuk kegunaan sendiri remaja berkenaan.

**v. Mengapa remaja memilih untuk mencuri motosikal**

Mengenai sebab-sebab remaja memilih untuk mencuri motosikal berbanding dengan harta benda yang lain, dapatan kajian mendapati majoriti responden, iaitu seramai 20 orang (60.5%) menyatakan bagi mereka motosikal lebih mudah untuk dicuri, enam orang (18.2%) menyatakan kerana motosikal mudah untuk dijual dan pasarannya sudah tersedia, seramai empat orang (12.1%) responden menyatakan mereka minat dengan motosikal, seramai dua orang lagi (6.1%) menyatakan kerana dicabar atau menolong rakan dan seorang (3.0%) menjual motosikal untuk mendapatkan hasil yang lumayan.

Alasan yang diberikan oleh majoriti responden bahawa mencuri sebuah motosikal adalah mudah di sokong oleh dapatan yang menunjukkan bahawa bagi lebih dari 70% responden, tempoh masa yang diperlukan untuk mencuri sesebuah motosikal adalah kurang dari lapan minit sahaja. Hanya sembilan orang yang mengambil masa lebih dari 8 minit.

Jenama motosikal yang sering menjadi pilihan remaja untuk dicuri ialah jenama Honda (model EX-5) dan Yamaha (model LC). Dari seramai 33 remaja yang dikaji, seramai 27 orang (81.8%) menyatakan bahawa mereka memilih jenama Honda model EX-5 dan seramai enam orang (18.2%) memilih untuk mencuri jenama Yamaha model LC135. Jenama-jenama lain tidak menarik remaja untuk mencuri motosikal.

Mengapa hanya dua jenama motosikal sahaja yang menjadi pilihan responden untuk dicuri? Kajian mendapati seramai 18 orang (54.5%) menyatakan bahawa jenama tersebut mudah untuk dijual, seramai tujuh orang (21.2%) menyatakan jenama tersebut mudah untuk dicuri, seramai enam orang (18.2%) menyatakan jenama tersebut cukup berkuasa dan mampu memecut laju dan seramai dua orang lagi (6.1%) menyatakan jenama tersebut mudah untuk digunakan bagi melakukan aktiviti *willie*.

Sungguhpun dapatan kajian menunjukkan sebab utama model motosikal tertentu menjadi pilihan utama responden untuk dicuri adalah kerana mudah untuk dijual, tujuan awal motosikal tersebut dicuri adalah untuk kegunaan sendiri dan kegunaan yang dikongsi dengan rakan. Kemudianya barulah ianya dijual kepada pembeli yang berminat atau dijadikan alat ganti.

**vi. Kaedah dan cara melakukan curi motosikal**

Bagi aspek kaedah dan cara bagaimana remaja mencuri motosikal, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden sememangnya memiliki kemahiran dan pengalaman dalam melakukan perbuatan mencuri motosikal. Seramai

14 orang (42.4%) responden menyatakan mereka menggunakan *master-key*, seramai enam orang (18.2%) menyatakan memiliki kemahiran membuat pintasan (sambungan) wayar, seramai empat orang (12.1%) menggunakan kaedah paksaan bagi mematahkan *handle* motosikal berkenaan, seramai dua orang lagi (6.1%) menggunakan alat pemutar skrew yang diubahsuai. Tujuh orang (21.2%) tidak menggunakan sebarang kemahiran kerana motosikal yang dicuri tidak dikunci oleh pemiliknya. Jelas dapatkan ini menunjukkan remaja-remaja yang mencuri motorsikal sememangnya mempunyai kemahiran asas mengenai sistem motorsikal yang bakal mereka curi berkenaan.

Lokasi-lokasi utama motorsikal yang kerap menjadi sasaran untuk dicuri adalah di dalam kawasan rumah kediaman (sama ada bahagian hadapan atau belakang). Ini diakui oleh seramai 20 orang (54.5%) responden. Seramai 10 orang (18.2%) mencuri di pakir awam kawasan perumahan dan seramai tiga orang (6.1%) menyatakan mereka mencuri di pakir awam di kawasan pusat membeli belah.

### KESIMPULAN

Jenayah, sama ada yang melibatkan harta benda atau kekerasan merupakan perlakuan anti-sosial yang boleh menjelaskan reputasi sesebuah masyarakat dan negara. Switzerland, sebagai contoh menjadi terkenal di seluruh dunia bukan sahaja kerana kecantikan alam dan sistem kebijikannya, tetapi juga kerana kadar jenayah yang paling rendah di dunia. Penglibatan remaja di dalam jenayah harta benda terutama di Kuala Lumpur menyaksikan insiden yang semakin meningkat. Hal ini amat membimbangkan kerana ia melibatkan individu berusia 12-18 tahun yang sepatutnya mempersiapkan diri dengan peningkatan ilmu pengetahuan. Remaja terbabit melakukan jenayah mencuri motosikal bersama rakan sejenayah dan didorong oleh kawan-kawan lain. Kejayaan mencuri motorsikal pada kali pertama mendorong mereka melakukan jenayah tersebut lebih dari sekali memandangkan terlalu mudah mencuri motosikal sementara pasaran sentiasa ada bagi barang tersebut. Oleh yang demikian, institusi sosial seperti keluarga, kawalan rukun tetangga, pendidikan dan keselamatan (PDRM) mempunyai tanggungjawab besar untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada golongan remaja agar lebih prihatin terhadap peranan mereka dalam pembangunan negara serta menjauhkan diri dari perlakuan jenayah yang boleh menjelaskan masa depan mereka.

**Rujukan:**

- Amar Singh Sindhu (2005). The Rise of Crime in Malaysia: An Academic and Statistical Analysis, *Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police* 4:27-54.
- Briggs, J. (1991). *A Profile of the Juvenile Joyrider*, Durhan: University of Durhan.
- Clarke, R., Field, S., and Harris, P. (1991). The Mexican Vehicle Market and Auto Theft in Border Areas of United State, *Security Journal* 2:210-25.
- Garrison, K.C., (1965). *Psychology of Adolescence*, New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Lord, R. (1980). *Introduction to Criminal Law*, London: Butterworth Publication.
- Shoemaker, D.J. (1984). *Theories of Delinquency: An Examination of Explanations of Delinquent Behaviour*, New York: Oxford university Press.